

# 'Belajar daripada generasi lama'

BH 2 AUG 2001

Oleh Nādzim Ahmad  
Jamalludin

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mengingatkan golongan muda supaya tidak terlalu bergantung kepada generasi lama untuk memajukan negara.

Perdana Menteri berkata, golongan muda sepatutnya menimba ilmu yang secukupnya daripada generasi lama bagi membolehkan mereka mengambil alih tugas untuk memajukan negara dan mencapai tahap negara maju pada 2020.

Beliau berkata, ilmu yang diperoleh daripada generasi lama adalah satu tambahan kepada golongan muda untuk membolehkan mereka menjadi lebih baik daripada generasi lama serta mencapai lebih ba-

nyak kejayaan.

"Jika bergantung pada generasi lama, apabila mereka tiada, negara tidak dapat dimajukan. Jadi, kita perlu ada pengganti kepada generasi lama dan penggantian sudah tentulah orang muda.

"Tetapi orang muda perlu banyak belajar. Mereka boleh belajar sendiri melalui pengalaman atau belajar daripada generasi lama yang sudah melaluinya.

"Mereka (golongan muda) boleh belajar banyak daripada generasi lama kerana mereka (generasi lama) sudah mendapat pengalaman yang banyak. Golongan muda mesti belajar daripada generasi lama tetapi generasi lama juga mesti bersedia menyalurkan pengetahuan kepada generasi muda," katanya.

Beliau berkata demikian

ketika melancarkan Kempen *Learn From Malaysian Entrepreneurs* anjuran Persekutuan Usahawan Muda Nalaysia (PUMM) di sini, malam ini.

Turut hadir Menteri Pengerangan, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob; Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz; Pengasas dan Presiden Kehormat PUMM, Tan Sri Lee Kim Yew dan Presiden PMUM, Thor Hong Tong.

Pada majlis sama, PUMM turut menandatangani perjanjian persefahaman dengan 10 wakil media, termasuk televisyen, radio, akhbar, majalah, radio dan Internet untuk meningkatkan kesedaran mengenai keusahawanan di kalangan golongan muda.

PUMM turut melancarkan Dana Asas Usahawan sebanyak RM250,000, ter-

masuk RM125,000 sumbangan peribadi Lee untuk membantu usahawan kecil memulakan perniagaan.

Dr Mahathir turut mengingatkan usahawan muda supaya mengamalkan etika perniagaan yang baik bagi memperolehi kejayaan serta membolehkan mereka menyumbang kepada masyarakat dan kekayaan negara.

Perdana Menteri berkata, usahawan muda patut menjalin usahasama di kalangan mereka dan anggota masyarakat serta membantu menyumbang ke arah kejayaan sesama mereka.

"Apa yang kami (kerajaan) hendak lihat ialah kesan berganda. Kita tidak mahu negara ini mempunyai bilangan usahawan yang sama selama-lamanya...kita mahu jumlahnya bertambah," katanya.